

PIDATO KEPIMPINAN

‘KE ARAH PROFESION PERGURUAN YANG CEMERLANG’¹

OLEH:

DATO’ HJ. ABDUL MAJID BIN OMAR
TIMBALAN MUFTI NEGERI SELANGOR
(TOKOH GURU KEBANGSAAN 2007)

PENDAHULUAN.

Profesion perguruan atau bekerja sebagai guru adalah antara beberapa jenis pekerjaan yang penting dalam proses pembangunan manusia, masyarakat dan negara. Profesion perguruan merupakan profesion paling utama di dalam proses penyerapan ilmu pengetahuan kepada individu dan masyarakat. Dalam era globalisasi sekarang, peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar. Golongan guru hendaklah memastikan martabat perguruan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa ke tahap yang lebih tinggi dan dihormati seterusnya dapat merealisasikan Misi Nasional seperti yang digariskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Mengikut Kamus Dewan, ‘profesion’ ialah pekerjaan terutamanya yang memerlukan pelajaran yang tinggi dan latihan yang khas misalnya dalam bidang undang-undang, senibina, perubatan, perakaunan dan lain-lain. ‘Cemerlang’ pula ialah bersinar (bercahaya) dengan terang, gilang-gemilang. Dari kedua-dua pengertian tersebut, ia memberi makna bahawa imej profesion perguruan sama ada tinggi atau rendah, jaya atau gagal dilihat dan dinilai oleh masyarakat dari sudut peribadi para guru dan hasilnya kepada generasi pelajar.

¹ Disampaikan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 28 Disember 2007.

Dalam usaha meningkatkan martabat profesion perguruan yang cemerlang, maka pakatan bijak semua pihak hendaklah digerakkan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pihak-pihak tersebut ialah kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia serta institusi-institusi yang berkaitan, guru, pelajar, anggota masyarakat, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kesatuan-kesatuan guru dan pihak swasta.

Sidang hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

ISLAM MEMANDANG TINGGI PROFESION PERGURUAN.

Guru adalah merupakan ejen kepada keberkesanan pendidikan. Kejayaan dan keberkesanan para guru adalah bersandarkan tanggungjawab, kelengkapan, keilmuan dan keluhuran peribadi. Pendidik dari kacamata Islam merupakan *murabbi, muallim, muaddib, alim* atau ulama'. Mereka berfungsi bukan saja untuk memberi kesedaran pada diri sendiri malah juga masyarakat. Ia juga berkait rapat tentang tanggungjawab, amanah, komitmen dan hubungannya dengan Allah. Perpaduan kaum dapat dicapai sekiranya guru menerapkan nilai-nilai murni seperti saling menghormati antara satu sama lain tidak mengira bangsa dan agama.

Para pendidik juga berperanan menerapkan nilai kerjasama dan toleransi di kalangan pelajar. Jika kita lihat, orang-orang Islam telah diikat oleh satu peraturan supaya hidup berjiran dan bersahabat dengan mereka. Hak jiran tidak boleh dikurangi dan tidak boleh dilanggar sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w dalam pembentukan negara Islam. Dengan ini, terciptalah satu masyarakat yang berbilang kaum dan kepercayaan demi mewujudkan kebahagiaan bersama dalam satu masyarakat dan satu negara. Sikap toleransi yang diterapkan oleh guru dapat membentuk hubungan yang baik dalam masyarakat yang mampu melahirkan integrasi nasional.

Guru merupakan golongan pendidik yang banyak berjasa serta menabur bakti untuk memberi pendidikan kepada anak bangsa kita. Sehubungan dengan itu, ibu bapa dan para pelajar harus dan wajar memberi penghormatan serta

pengiktirafan yang tertinggi atas pengorbanan dan sumbangan guru- yang sentiasa bertungkus lumus tanpa mengenal penat lelah mendidik anak bangsa kita.

Kita juga harus meletakkan martabat guru pada kedudukan yang tinggi dan mulia kerana para guru adalah penentu masa depan generasi muda. Prestasi, imej dan kualiti perkhidmatan mereka yang cemerlang akan melahirkan pelajar yang cemerlang dan seterusnya akan membentuk sebuah masyarakat yang maju dan cemerlang juga. Golongan pendidik adalah seperti lilin, membakarkan diri demi menerangi orang lain. Oleh sebab itu, profesion guru disanjung tinggi oleh masyarakat.

Kerajaan menghargai sumbangan guru dengan mengistiharkan tanggal 16 hb Mei pada setiap tahun bermula dari tahun 1975 sebagai Hari Guru. Ini salah satu usaha kerajaan untuk mengiktiraf dan mengenang segala jasa baik para guru. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sebagai bakal guru akan terus berusaha untuk menyemaikan dan menyuburkan budaya ilmu dalam kalangan anak bangsa agar kita dapat mencapai sebuah negara yang maju dan unggul pada masa hadapan.

Guru ialah mereka yang menyampaikan ilmu kepada anak bangsa supaya menjadi orang yang berguna kepada agama, masyarakat, bangsa dan negara. Ilmu pengetahuan merupakan salah satu alat terpenting yang amat berkesan dalam kehidupan manusia bagi mencapai kebahagiaan hidup, sama ada di dunia mahupun di akhirat. Seseorang Muslim dinilai dari segi ilmu, iman serta amalannya bagi mengukur sejauh mana ketaqwaannya kepada Allah. Ia bukan dinilai dari segi keturunan, kedudukan, bangsa, kekayaan, rupa dan warna kulit. Allah telah meletakkan orang yang beriman dan berilmu ke tahap yang paling tinggi, seperti yang ditegaskan oleh al-Quran:

'Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan beberapa darjat'.

Mereka yang berilmu diberi kedudukan yang paling tinggi serta dijadikan sebagai saksi kepada manusia lain serta Allah dan para malaikat. Mereka juga diberi kedudukan yang istimewa sesudah para nabi, khususnya umat Rasulullah s.a.w. Mereka diberikan tanggungjawab untuk menyampaikan seruan, memimpin umat dan mentadbirkannya selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Dengan kata lain, mereka sebagai pewaris yang mempusakai tugas Rasulullah s.a.w. selepas kewafatan baginda.

Imam al-Ghazali menyatakan, *'tidak ada martabat yang lebih tinggi daripada martabat kenabian dan tidak ada kemuliaan yang lebih mulia daripada menjadi pewaris martabat kenabian'*. Kelebihan ilmu pengetahuan juga dapat ditanggapi daripada matlamat atau tujuan diutuskan Rasulullah s.a.w. sebagai nabi dan rasul kepada umat manusia. Di samping menjadi rasul, baginda juga berperanan sebagai seorang guru dan pendidik. Bak kata pepatah jasa guru umpama air mengalir dari anak sungai hingga ke dasar lautan. Merujuk kepada al-Quran, Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Mujaadalah, ayat 11 yang bermaksud :

'Nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan'.

Melalui ayat ini diperjelaskan tentang martabat dan kedudukan tinggi dan mulia para guru atau pendidik. Pendidikan adalah aset penting yang menghala tuju pembangunan negara serta aset yang bernilai dalam pembinaan minda manusia serta alat untuk mewujudkan jati diri atau keperibadian yang unggul.

Guru perlu memiliki sifat dan ciri-ciri unggul sebagai penyampai ilmu (yang benar), sebagai penyemai nilai luhur, pembimbing, penunjuk ajar dan pemberi pedoman hidup serta yang paling penting dan berkesan sebagai contoh dan teladan kepada setiap anak didiknya. Guru yang cemerlang bukan sahaja sihat tubuh badan dan sihat pula mental dan pemikirannya tetapi seorang yang penuh dengan sifat-sifat iltizam, dedikasi, bertanggungjawab, komited,

tekun, sabar, bertimbang rasa, rajin, ceria serta amanah dalam menjalankan tugasnya.

Prinsip utama seorang guru yang cemerlang adalah ia mesti faham bahawa tugas 'mengajar dan mendidik serta meneladan' adalah pekerjaan yang sangat mulia. Guru yang mengajar anak bangsanya perlu menganggap profesion ini sebagai satu jihad yakni menentang, membasmi dan mencegah kejahatan, kelemahan, kealpaan, kemunduran dan kehinaan akibat tidak berilmu pengetahuan dan menjadikanny sebagai suatu ibadah. Oleh itu seseorang guru itu akan memainkan peranan mengikut keadaan dan situasi secara penuh tanggungjawab, jujur dan ikhlas; yang di dalam Islam guru sebenar guru ini dikelaskan sebagai:

- a. *al-mu'allim* : menyampaikan ilmu yang benar.
- b. *al-murabbi* : menjayakan proses tarbiah.
- c. *al-mu'addib* : mengajarkan adab dan budi pekerti.
- d. *al-mursyid* : membentuk kepimpinan insan.
- e. *al-mudarris* : menitipkan pelajaran dan kemahiran.

Seorang guru yang cemerlang tidak akan cepat menyalahkan keadaan dan tempat sebelum ia menyalahkan dirinya terlebih dahulu, dan di samping itu pula berusaha meningkatkan ketrampilan dan kewibawaan diri ke tahap yang paling tinggi.

Sidang hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Bidang pendidikan sentiasa berkembang dan mengalami perubahan mengikut tuntutan zaman, perkembangan pesat percantuman pelbagai teknologi maklumat dan komunikasi seperti internet serta mendepani arus globalisasi, dunia telah membawa banyak cabaran kepada kita. Kita tidak dapat menyangkal betapa cepatnya ICT merubah dunia pembelajaran, umpamanya muncul pembelajaran melalui '*online*'. Para guru pada hari ini perlu bersikap produktif, proaktif dan responsif terhadap perkembangan kecanggihan teknologi yang telah banyak mengajar anak bangsa kita supaya menjadi satu

bangsa yang maju. Ilmu dan kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi yang dikuasai guru dapat digunakan sebagai pemangkin ke arah menghasilkan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti.

Sebagai pemangkin, guru perlu menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi bukan hanya untuk menyampaikan ilmu di dunia semata-mata, tetapi juga untuk meraih kepentingan ilmu akhirat kerana pendidikan berkualiti hanya akan dapat dicapai melalui keseimbangan dalam kedua-dua ilmu tersebut. Penguasaan ilmu yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi, insya-Allah akan dapat melahirkan generasi yang berilmu, bertakwa, berkualiti, mampu bersaing dan bersesuaian dengan kehendak pasaran dunia pada alaf baru ini.

Sesungguhnya Allah s.w.t. telah mengangkat darjat orang yang beriman dan berilmu dalam kalangan kita semua. Oleh yang demikian, profesion perguruan adalah merupakan satu profesion yang tinggi nilainya di sisi Allah s.w.t. Ini telah ditegaskan oleh Allah s.w.t. di dalam firman-Nya dalam surah az-Zumar, ayat 9 yang bermaksud:

'Katakanlah: Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna'.

Sidang hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PENDIDIKAN DI MALAYSIA.

Pendidikan adalah penting di dalam pembangunan sesebuah negara kerana ia mempunyai pelbagai nilai bagi menjamin kemajuan sosial sesebuah negara.

a. Pendidikan sebelum merdeka

Semasa penjajahan British, sistem persekolahan yang diamalkan adalah dasar 'pecah' dan 'perintah'. Kerajaan British mengamalkan dasar '*laissez-faire*' dengan membiarkan tiap-tiap sistem persekolahan itu berkembang mengikut haluan masing-masing. Kesannya, telah wujud empat sistem persekolahan yang berbeza di negara kita pada masa itu. Hal ini menyebabkan jurang ekonomi dan sosial yang semakin ketara dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum. Kaum Melayu dengan sekolah pondok yang bersifat tradisional memperlihatkan mutu pendidikan yang amat terbatas dan sekolah-sekolah Melayu ini didirikan atas daya usaha orang perseorangan. Manakala kaum Cina dengan sekolah Cina yang diusahakan oleh sukarelawan Cina, sedangkan sekolah Tamil pula diuruskan oleh kaum India, manakala Sekolah Inggeris pula diambil alih oleh mubaligh-mubaligh Kristian.

b. Perwujudan sistem pendidikan kebangsaan.

Sistem persekolahan yang berbeza mempunyai haluan masing-masing dan tidak dapat melahirkan satu identiti bangsa. Atas rasa kesedaran kebangsaan menerusi pendidikan sebagai alat untuk mencapai perpaduan bangsa, maka satu jawatankuasa ditubuhkan untuk mengkaji sistem pendidikan yang sedia ada. Cadangan itu dikenali sebagai Penyata Razak 1956.

Laporan Penyata Razak 1956 mengemukakan dua cadangan utama yang menjadi teras pembangunan pendidikan negara. Pertama, laporan ini mencadangkan setiap kanak-kanak diberi peluang mendapat pelajaran apabila mencapai umur persekolahan. Kedua, mengesyorkan perwujudan satu sistem pendidikan bagi semua kanak-kanak agar dapat melahirkan rakyat yang bersatu padu dan berdisiplin.

Bagi mencapai matlamat ini, Penyata Razak mengutamakan sistem pelajaran kebangsaan yang pertama di Tanah Melayu. Penyata Razak ini kemudian dijadikan Ordinan Pelajaran 1957 yang mengasaskan satu

sistem bercirikan nasional dan menjamin tempat di sekolah-sekolah rendah bagi setiap kanak-kanak di negara ini.

Penyata Razak ini telah diperakui dan diluluskan menjadi Ordinan Pelajaran tahun 1957. Ordinan ini juga mewajibkan semua jenis sekolah menggunakan sukatan pelajaran yang sama. Laporan ini turut mengakui tujuan kerajaan untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar secara langsung berkait rapat dengan usaha pembinaan negara. Bahasa Melayu digunakan dalam konteks untuk membantu perpaduan kebangsaan dan menjadi wahana yang berkesan untuk komunikasi pelbagai kumpulan etnik dan masyarakat pelbagai dialek. Selain itu, Bahasa Melayu juga dapat membantu pembentukan jati diri bangsa Malaysia yang menggunakan bahasa komunikasi yang mudah difahami.

Dasar Mewujudkan Perpaduan dan Pembangunan Negara.

Sejarah pendidikan di negara ini, terutamanya selepas merdeka telah dirangka bagi pembinaan semula bangsa Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai wawasan hidup bersama berprinsipkan kepada keadilan sosial. Penekanan kepada konsep '*Malayanization*' ialah membina satu bangsa Malaysia yang mempunyai taat setia dan cintakan negara serta dapat menyumbang ke arah masa depan pembangunan bangsa.

Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Selepas peristiwa 13 Mei 1969, berlakunya rusuhan kaum yang mengancam keselamatan negara. Kerajaan menyedari bahawa pendidikan menjadi alat perpaduan untuk membina rakyat yang bersatu padu dan merapatkan jurang kemiskinan. Pembangunan pendidikan mestilah selaras dengan ideologi dan hasrat negara untuk mencapai perpaduan kaum supaya menjadi satu kesatuan nilai untuk menyatupadukan rakyat dan mewujudkan integrasi nasional.

Dasar Pendidikan Kebangsaan telah menggariskan 14 sasaran Kerja Utama bagi mencapai matlamat wawasan pendidikan. Sasara kerja yang berkait rapat dengan dengan aspek perpaduan dan pendidikan ialah Perpaduan Negara dan Kurikulum. Dasar Pendidikan Kebangsaan memberi penekanan terhadap:

- a. Penguasaan dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira (3 M);
- b. Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 1982;
- c. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diperkenalkan pada tahun 1989.

Kurikulum baru ini juga menekankan perkembangan diri pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Bertitik tolak dari sinilah hasrat untuk melahirkan pelajar seperti yang disarankan telah diterjemahkan dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN):

'Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara'.

Rakyat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai murni seperti percaya kepada Tuhan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, setia kepada negara dapat direalisasikan ke arah:

- a. Perpaduan kaum dan polarisasi kaum;
- b. Meneguhkan pembentukan sikap kenegaraan;
- c. Penerapan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia;
- d. Penerapan nilai-nilai Islam; dan
- e. Pembentukan insan yang harmonis dan seimbang.

Kesemua pernyataan ini menjadi asas kepada pembentukan Rukun Negara yang mengamalkan prinsip-prinsip mulia untuk menjadi warganegara yang bersatu padu, demokratik, adil, toleransi, progresif dan hidup dalam suasana aman dan makmur. Penerapan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam rancangan kurikulum adalah atas kesedaran bahawa:

- a. Sekolah merupakan agen yang menjalankan tugas penyebaran ilmu pengetahuan dan pembentukan akhlak yang murni bagi kanak-kanak kita;
- b. Melalui sistem pendidikan, kanak-kanak akan dilatih atau diasuh mengikut nilai-nilai dan norma-norma masyarakat yang dicita-citakan.

Sidang hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Peranan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Peranan kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memartabatkan profesion ini merupakan kekuatan utama kerana kerajaan yang bertanggungjawab dalam penggubalan dasar-dasar pendidikan negara. Jika dilihat dalam misi nasional yang telah dilancarkan semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9, Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menggariskan lima teras utama iaitu:

- | | | |
|---------|---|---|
| Teras 1 | : | Meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai lebih tinggi. |
| Teras 2 | : | Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'. |
| Teras 3 | : | Menangani masalah ketidak-samaan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif. |
| Teras 4 | : | Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup |
| Teras 5 | : | Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan. |

Di antara kelima-lima teras ini, teras yang kedua merupakan teras yang berkait rapat dengan tindakan kerajaan untuk meningkatkan martabat profesion perguruan. Dalam tempoh rancangan tersebut, usaha dipergiatkan bagi membangunkan modal insan demi memacu transformasi negara ke arah keupayaan ilmu pengetahuan. Antara kandungan program besar akan dilaksanakan untuk meningkatkan martabat profesion perguruan berdasarkan Laporan Rancangan Malaysia Ke-9, ialah:

a. Menambah baik sistem pendidikan.

Meningkatkan akses dan kualiti sistem pendidikan di semua peringkat kurikulum dan pengajaran, pelaksanaan Kurikulum Pra-sekolah Kebangsaan yang seragam dan berkualiti, mengkaji aktiviti kurikulum dan kokurikulum peringkat sekolah, kajian terhadap kurikulum latihan perguruan, menambah baik kandungan mata pelajaran, meningkatkan kemahiran pedagogi dan penggunaan ICT yang lebih meluas.

b. Kerjasama antara industri dengan institusi pengajian tinggi untuk responsif kepada keperluan pasaran buruh, meningkatkan keupayaan siswazah tempatan untuk kerjaya, program latihan praktikal dan penempatan industri. Sistem Latihan Dual Kebangsaan akan diperbaiki lagi melalui rundingan dengan pihak terbabit, menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi pendidikan dan latihan bagi memberi panduan mengenai dasar dan strategi berkaitan pendidikan dan industri.

c. Infrastruktur dan kemudahan.

Akses kepada pendidikan pra-sekolah akan diperluaskan dengan penyediaan lebih banyak kelas pra-persekolahan, terutama kawasan luar bandar serta Sabah dan Sarawak.

d. Menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan.

Kualiti pengajaran di sekolah kebangsaan akan dipertingkatkan dengan 100 % guru di sekolah menengah dan 25 % guru di sekolah rendah akan mempunyai kelayakan ijazah pertama menjelang 2010. Peluang

pendidikan untuk kanak-kanak istimewa, pembestarian sekolah dan penggunaan teknologi dan ICT.

- e. Melahirkan Institusi Tertiari bertaraf antarabangsa.
IPT akan ditanda aras mengikut piawai antarabangsa dan satu sistem penarafan akan diperkenalkan.

Lima teras Misi Nasional tersebut diperjelaskan lagi secara terperinci dalam Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP) 2006-2010 yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 16 Januari 2007, yang asas pembangunannya merangkumi Misi Nasional, Dasar-dasar Pembangunan Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Islam Hadhari serta Pelan Integriti Nasional. Matlamat pendidikan berkualiti untuk semua teras strategik PTPP adalah untuk:

- a. Membina Negara Bangsa.
- b. Membangun Modal Insan.
- c. Memperkasakan Sekolah Kebangsaan.
- d. Merapatkan Jurang Pendidikan.
- e. Memartabatkan Profesion Perguruan.
- f. Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan.

Bertitik tolak dari Misi Nasional dan Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan maka untuk mengangkat martabat profesion perguruan berbagai langkah dapat dilaksanakan oleh kementerian seperti:

- a. Membuka peluang peningkatan kerjaya.
Kerajaan mewujudkan gred baru guru berasaskan merit dan prestasi tahunan serta menggariskan langkah-langkah bagi menambah perjawatan dan peluasan naik pangkat guru-guru. Menerusi beberapa strategi pelaksanaan, penambahbaikan perjawatan guru dengan menambah kuota bagi gred kenaikan pangkat guru besar dan pengetua cemerlang akan dilaksanakan.

b. Pengambilan calon guru.

Syarat pengambilan calon guru telah diperketatkan sejak 2005 lagi dalam usaha melahirkan tenaga pengajar yang mahir dan berwibawa. Tiga pelan tindakan telah dirangka mencakupi Program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Calon bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) perlu memiliki ijazah yang menepati bidang yang dipohon, menduduki Ujian Pemilihan Calon Guru Malaysia (MteST), aktif dalam kokurikulum, melepasi tapisan keselamatan, bebas dari penyalahgunaan bahan dadah dan lulus temuduga.

Begitu juga dengan program kursus perguruan lepasan SPM pula calon perlu melepasi syarat-syarat akademik yang ditetapkan, menduduki Ujian Sahsiah Guru, ujian bertulis Bahasa Inggeris dan lulus temu duga. Kementerian juga telah mengambilkira kelayakan dalam memenuhi Petunjuk Prestasi Utama untuk diberi insentif kepada para guru. Melalui proses seperti ini dapat meyakinkan bahawa guru yang diambil mampu menyumbang dan merealisasikan wawasan negara. Pemilihan guru bukan sekadar akademik semata-mata malah mereka yang aktif dalam kegiatan kokurikulum bagi membentuk modal insan yang cemerlang.

c. Menaik taraf Maktab Perguruan kepada Institut Pendidikan Guru.

Dalam usaha melahir dan melestarikan guru yang berkualiti, kementerian telah menaikkan taraf Maktab Perguruan kepada Institut Pendidikan Guru (IPG). Pengiktirafan ini telah diluluskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Julai 2005. Dengan menaik taraf Maktab Perguruan kepada Institut Pendidikan Guru (IPG), kementerian dapat memantapkan pemilihan bakal guru dan memberi latihan serta menambah baik karier perguruan dan persekitaran kerjanya. Proses seperti ini dapat meyakinkan bahawa guru yang diambil merupakan guru yang mampu menyempurnakan misi pendidikan negara.

Pada ketika ini terdapat 27 Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara dan melibatkan seramai 3,129 pensyarah dengan *'Malaysian*

Quality Framework' diguna sebagai garis panduan dalam usaha mempertingkatkan kelayakan guru ke tahap siswazah dan memastikan tenaga kerja yang berkualiti dapat dihasilkan.

Kementerian juga telah menjenama dan merangkaikan Institut Pendidikan Guru dengan universiti serta kolej terkenal di luar negara dan dalam negara. Mewujudkan Program Khas Pensiswazahan guru, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Program berkembar Pra-perkhidmatan (Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) dan Program Bahasa-Bahasa Antarabangsa.

Langkah kementerian menaik taraf IPG juga mampu melahirkan guru siswazah yang memahami keperluan dan cabaran sekolah ke arah mencapai 9 sasaran kementerian untuk mengisi 100% guru siswazah di sekolah menengah dan 50% di sekolah rendah menjelang tahun 2010. Semasa membentangkan bajet 2006, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa, kerajaan akan meningkatkan tahap latihan dan kurikulum termasuk menarik kerjasama dan kepakaran asing dalam bidang perguruan sebagai usaha memartabatkan profesion perguruan.

d. Guru Pendidikan Islam.

Kementerian juga akan melahirkan guru Pendidikan Islam yang berkualiti dan berkesan dengan menubuhkan Institut Pembangunan Pendidikan Islam (IPPI). Pendidikan Islam merupakan suatu usaha untuk memberi ilmu dan pendidikan berteraskan wahyu kepada penganutnya supaya dapat memahami dan dapat menghayatinya dalam kehidupan demi untuk kebahagiaan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pendidikan Islam juga perlu didedahkan kepada orang yang bukan Islam supaya mereka memahami agama tersebut dan seterusnya dapat mengikis prasangka buruk terhadap Islam dan penganutnya serta tidak mengeluarkan tuduhan yang tidak benar tentang Islam.

Pelaksanaan Program j-QAF (Jawi, Khatam al-Qur'an, Bahasa Arab dan pengukuhan Fardhu Ain) sekolah rendah juga merupakan langkah untuk

meningkatkan martabat profesion perguruan dan memperkasakan Pendidikan Islam. Kementerian telah merangka strategi pelaksanaan program tersebut yang melibatkan bahan, modul, prasarana, tenaga guru, penilaian dan pemantauan. Tujuannya untuk membentuk dan melahirkan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai rohani, bermoral tinggi dan mempunyai perasaan bertanggungjawab yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara.

- e. Kemudahan kediaman guru dan persekitaran kerja yang kondusif. Kemudahan kediaman disediakan supaya guru lebih selesa menjalankan tugas tanpa menghadapi masalah tempat tinggal, terutama untuk guru di luar bandar, pedalaman dan bandar-bandar besar melalui pembinaan kuarters baru serta membaik pulih kuarters yang sedia ada. Bagi keselesaan para guru, peruntukan sebanyak RM690 juta disediakan untuk membina rumah guru dan hampir separuh dari peruntukan tersebut untuk projek rumah guru di luar bandar.

Selain itu kemudahan bilik guru dan bilik darjah yang kondusif juga akan disediakan melalui projek naik taraf, membina bangunan tambahan dan pembinaan bangunan-bangunan baru. Setakat ini telah dikenalpasti sekolah usang sejumlah 5,951 buah sekolah rendah dan 870 buah sekolah menengah yang berusia lebih 30 tahun dan membangunkan infrastruktur yang membabitkan 767 buah sekolah rendah dan 28 buah sekolah menengah yang belum mempunyai bekalan elektrik selama 24 jam.

Antara langkah-langkah lain kementerian dalam mengangkat martabat profesion perguruan ialah:

- a. Memperkasakan sekolah kebangsaan. Pendidikan awal kanak-kanak merupakan masa yang amat penting dalam melahirkan generasi yang berwawasan. Dalam memperkasakan sekolah kebangsaan, kementerian perlu menambahkan bilangan kelas pra-sekolah terutama di kawasan luar bandar dan menggunakan

Kokurikulum Pra-sekolah Kebangsaan. Selain itu, kementerian menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas yang mencukupi serta berkualiti termasuk melengkapkan prasarana, mengubahsuai dan menaik taraf sekolah-sekolah yang usang dan menambah bilangan bilik darjah.

b. Sistem pengawasan dan pemantauan.

Kementerian Pelajaran disaran memperkukuhkan dan memperkemaskan sistem pengawasan dan pemantauan ke atas guru-guru untuk memastikan mereka sentiasa bertugas dengan betul, berdedikasi dan telus. Pemantauan yang sistematik merupakan ciri penting bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan seperti yang dirancang. Untuk mengetahui keberkesanan pengajaran guru berkesan atau sebaliknya serta mengesan masalah dan membuat pemulihan. Proses pemantauan harus dilakukan oleh pentadbir sekolah dan jemaah nazir. Laporan pemantauan boleh digunakan untuk pengesahan dan kenaikan pangkat guru.

c. Penguatkuasaan Akta Pendidikan.

Semasa menjadi Menteri Pendidikan, Dato' Sri Najib Tun Razak pernah mengatakan - **'Dengan terlaksananya kesemua akta berkenaan membolehkan kita menjalankan transformasi yang menyeluruh kepada sistem pendidikan negara selaras dengan wawasan negara dan tuntutan globalisasi dan zaman maklumat'**.

Dua akta baru telah dikuatkuasakan iaitu Akta Pendidikan 1996 dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Beliau menjelaskan, Akta Pendidikan 1996 bagi membolehkan matlamat pendidikan diperluaskan dan disesuaikan dengan keperluan wawasan dan tuntutan-tuntutan tersebut. Sementara pelaksanaan Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996 pula selaras dengan hasrat hendak menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan akademik. Dengan iltizam serta usaha kementerian ini seterusnya akan diimplikasikan ke peringkat Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat

Pelajaran Daerah (PPD) seterusnya ke peringkat sekolah mengikut rangkaian bagi memastikan kejayaan wawasan negara 2020 menjadi suatu kenyataan.

Sidang hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

CIRI-CIRI GURU CEMERLANG.

Para pendidik hari ini telah memainkan peranan penting di dalam merealisasikan aspirasi negara. Guru merupakan ejen kepada keberkesanan pendidikan. Kedudukan perguruan sebagai suatu profesion di dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan turut menghadapi cabaran-cabaran masa kini dan akan datang. Di tangan guru sendiri martabat profesion perguruan dapat ditingkatkan dengan memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab terhadap pelajar, ibu bapa, masyarakat, negara, rakan sejawat dan tanggungjawab terhadap profesion perguruan.

1. Mempertingkatkan Profesionalisme.

Guru harus sedar tentang tugas dan amanah yang dipikul untuk mendidik generasi yang akan mencapai wawasan negara. Kemahiran dan pengetahuan dalam aspek pendidikan perlu dikemaskini. Berusaha mengaplikasi kaedah- kaedah pengajaran dan pendidikan terkini. Guru perlu menyambut baik dengan mengikuti kursus-kursus pendidikan yang dianjurkan oleh pihak-pihak berwajib agar dapat mempertingkatkan keupayaan, ketahanan dan prestasi bagi mendepani cabaran yang semakin kompleks ini. Dengan ini suatu anjakan paradigma dapat dilakukan oleh para pendidik.

2. Kemahiran Dalam Penggunaan ICT.

Bidang perguruan sentiasa berkembang dan berubah sejajar dengan perubahan zaman. Perkembangan global dengan teknologi telekomunikasi dan internet menuntut banyak cabaran kepada pendidik untuk mencapai Misi Nasional. Para guru mesti bersikap proaktif dan terangsang dengan perkembangan teknologi yang semakin canggih ini. Ilmu ICT mesti terlebih dahulu dapat dikuasai oleh para pendidik sebagai

golongan yang akan menyebar-luaskan kepada para pelajar. Guru juga perlu melengkapkan diri dengan kemahiran terkini bagi menyempurnakan penubuhan sekolah bestari yang berteraskan penggunaan komputer sebagai satu bentuk kurikulum wawasan negara Malaysia untuk menjadikan negara maju menjelang 2020.

Guru juga harus memperlengkapkan diri secara global kerana dalam era teknologi maklumat masa kini masyarakat terpaksa berdepan dengan pelbagai peralatan elektronik dalam kehidupan harian sebagai cara hidup moden. Pembestarian sekolah seperti projek Sekolah Bestari dan *SchoolNet*, hendaklah dihargai oleh guru dengan menggunakan segala kemudahan semaksima mungkin.

3. Berpengetahuan, Berdaya Fikir dan Berakhlak.

Guru yang berpengetahuan perlu serba tahu dengan menambah pembacaan untuk peningkatan ilmu serta dapat membawa isu-isu semasa untuk dibincang dan mencari penyelesaian. Isu-isu semasa berkaitan dengan kekeluargaan dan komuniti, ekonomi dan sebagainya. Guru yang berpengetahuan dapat melahirkan generasi anak didik yang cemerlang di kemudian hari. Dalam perubahan sistem pendidikan yang semakin mencabar ini, profesion perguruan perlu menyediakan diri dengan amalan nilai murni dan akhlak yang terpuji. Dalam kurikulum pendidikan ditegaskan nilai-nilai murni yang perlu diserapkan kepada pelajar dalam pengajaran. Penerapan nilai murni ini penting untuk menyediakan para pelajar menjadi warga yang berguna kepada bangsa dan negara.

4. Berupaya Membuat Keputusan, Menyelesai Masalah serta Berfikiran Kritis dan Kreatif.

Para pendidik juga mesti sedar bahawa profesion mereka bukan sahaja mengajar tetapi terlibat sebagai pentadbir, pengurus, perancang, pelaksana, penilai, penyelia, pengawal dan sebagainya.

5. Menyedari Tanggungjawab.

Menyedari betapa besarnya tanggungjawab membimbing pelajar untuk mencapai kemajuan dan wawasan, para guru perlu melaksanakan tanggungjawab terhadap:

- a. Tanggungjawab terhadap pelajar seperti mengutamakan kebajikan dan keselamatan pelajar, bersikap adil, memupuk nilai murni.
- b. Tanggungjawab terhadap ibu bapa seperti mewujudkan hubungan mesra, menghormati mereka, tidak dipengaruhi oleh kedudukan sosial dan ekonomi mereka dan memberi maklumat kepada mereka untuk kepentingan anak-anak mereka.
- c. Tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara seperti mengelak dari menyebarkan perkara negatif, menghormati masyarakat setempat serta menggalakkan kerjasama dan persefahaman.
- d. Tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion seperti mengelak dari membuat kenyataan negatif, tidak terlibat dalam kegiatan yang menjejaskan kepercayaan masyarakat serta membantu rakan sejawat.

6. Menjadi Guru Berkualiti.

Bagi mempertingkatkan profesion perguruan, seseorang guru mempunyai ciri-ciri guru yang berkualiti seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara jika mahu dipandang tinggi oleh masyarakat. Kualiti guru dapat diperkemaskan dari masa ke semasa dengan latihan, seminar dan lain-lain kursus dalam perkhidmatan. Penubuhan Institut Aminudin Baki (IAB) adalah untuk meneruskan pelbagai latihan dalam perkhidmatan untuk melahirkan para guru yang lebih efisien.

Sidang hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Guru yang Berkesan.

Bagaimana dan apakah ciri-ciri yang dimaksudkan dengan seorang guru yang berkesan itu? Ia merangkumi sebagaimana yang berikut:

1. Bersikap profesional.
2. Mempamerkan ciri-ciri kekuatan teori.
3. Kaya ilmu pengetahuan.
4. Bertindak di atas landasan etika dan tatasusila kerja.
5. Berakhlak terpuji dan mempunyai moral yang teguh.
6. Sentiasa berusaha meningkatkan kualiti hasil pengajaran.
7. Prihatin dengan kehendak murid dan ibu bapa.
8. Berkebolehan menilai kekuatan dan kelemahan murid-murid.
9. Melengkapkan diri dengan kemahiran yang sejajar dengan tuntutan semasa.
10. Menampilkan watak terpuji, berimej, berperibadi mulia, berwawasan sebagai pendidik unggul pada setiap masa.
11. Mempastikan situasi '***guru mengajar murid belajar***' wujud di dalam kelas.
12. Berupaya melahirkan '*persekolahan berwatak*' supaya pelajar mempunyai kekuatan ilmu, berpersonaliti sihat dan serba boleh.
13. Berupaya membina minda pelajar yang cemerlang akademik.
14. Berupaya membentuk perwatakan murid dengan pelbagai keteguhan nilai diri (bermoral, berakhlak mulia, berketrampilan, pandai menyesuaikan diri dengan situasi tertentu).
15. Taat dan setia terhadap perkhidmatannya, mempertahankan martabat profesionnya.
16. Menunjukkan kesetiaan kepada kerajaan, bebas pendirian, tidak berbelah bahagi.
17. Profesional dan menumpukan perhatian kepada P&P di sekolah.

Sidang hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PERANAN PELAJAR.

Pelajar merupakan modal insan yang akan dibentuk oleh guru. Kecemerlangan pelajar menjadi ukuran keberkesanan pengajaran dan pendidikan para guru serta dilihat oleh berbagai pihak. Kecekapan dan martabat profesion ini dilihat baik jika ramai pelajar mendapat kecemerlangan dalam peperiksaan awam dan sebaliknya. Analisa peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dibuat setiap kali keputusan diumumkan dan analisa serta komen berbagai pihak akan dapat dilihat.

Pandangan umum juga melihat tahap disiplin pelajar di semua peringkat pelajar sebagai angka tunjuk kecekapan profesion perguruan. Sejak akhir-akhir ini, masalah pelanggaran disiplin hebat diperbincangkan. Kes-kes jenayah pelajar seperti peras ugut, pembunuhan, rogol, pelacuran, ponteng, vandalisme dan banyak lagi salah laku pelajar semakin kerap diperbincangkan .

Oleh itu, peranan para pelajar sendiri merupakan faktor penting dalam meningkatkan profesion ini. Pelajar mesti menyambut baik program dan dasar yang telah ditetapkan demi untuk kesejahteraan mereka. Pelajar yang bermotivasi mempunyai matlamat hidup masa depan. Satu model telah dirangka bagi menunjukkan kepentingan hubungan antara pencapaian akademik dengan motivasi. Motivasi dan matlamat ini mendorong pelajar yang cemerlang disiplin dan cemerlang akademik.

PERANAN IBU BAPA DAN ANGGOTA MASYARAKAT.

Peranan ibu bapa dan anggota komuniti juga faktor yang boleh mengangkat martabat guru. Ibu bapa sebagai anggota masyarakat mesti memainkan peranan yang serius terhadap pendidikan anak-anak mereka.

Pendidikan formal di sekolah hanya lebih kurang 6 jam sehari sahaja dan selebihnya pelajar berada di tangan keluarga dan masyarakat. Anggota masyarakat harus memberi maklumat dan maklum balas kepada sekolah serta memberi kerjasama di dalam pelbagai aktiviti pembinaan ilmu yang dijalankan oleh guru dan sekolah.

Penglibatan anggota masyarakat dalam proses pendidikan juga tidak kurang pentingnya, khususnya institusi seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jawatankuasa masjid dan surau, RELA serta pihak Polis harus sentiasa berdamping dengan sekolah-sekolah dan guru-guru serta mengambil tahu proses pendidikan di sekolah-sekolah di kawasan masing-masing. Mereka perlu dilibatkan bersama untuk memainkan peranan dalam menentukan persekitaran selamat kepada pelajar dan penduduk setempat.

Konsep '*School-Home-Community Partnership*' perlu diterapkan dengan mengadakan program-program permuafakatan dan perkongsian yang melibatkan pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat setempat. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang ditubuhkan di semua sekolah kerajaan adalah bertujuan untuk mewujudkan pemuafakatan antara ibu bapa dan guru di sekolah. Pemuafakatan ini dapat membina kesefahaman tentang tanggungjawab bersama dalam usaha meningkatkan mutu pengajaran guru dan pembelajaran murid di sekolah. PIBG juga sebagai pelengkap terhadap fungsi Kementerian Pelajaran dalam menyediakan prasarana, kemudahan dan suasana sekolah yang selesa. PIBG juga berperanan ke arah menjaga kestabilan sistem persekolahan dan perpaduan masyarakat setempat.

PERANAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO).

Penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan belia seperti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Majlis Belia Malaysia dan lain lain juga penyumbang kepada peningkatan martabat profesion perguruan melalui aktiviti-aktiviti penerangan kepada ahli. Sebahagian besar ahli NGO

terdiri dari kalangan guru-guru muda dan pelajar yang masih aktif dan bertenaga. Aktiviti-aktiviti kepimpinan, pembinaan semangat, motivasi, gotong royong adalah antara aktiviti positif ke arah mencapai matlamat tersebut. Selain itu, antara pihak yang menyumbang kepada memartabatkan profesion perguruan ialah seperti badan swasta dan kesatuan-kesatuan guru.

Pihak swasta juga harus menjalankan aktiviti-aktiviti membantu kegiatan sekolah dan guru-guru di dalam proses pembinaan ilmu ini. Pihak swasta boleh mengambil sekolah-sekolah berdekatan sebagai sekolah angkat mereka dan menyediakan peruntukan untuk membantu program-program kecemerlangan di sekolah-sekolah angkat tersebut. Dengan cara ini profesion perguruan akan lebih kukuh dan meyakinkan. Kesatuan-kesatuan guru juga memainkan peranan dalam memperjuangkan kebajikan guru demi meningkatkan martabat guru.

Sidang hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PENUTUP.

Wawasan 2020 merupakan satu wawasan yang amat mencabar bagi rakyat Malaysia, khasnya golongan pendidik. Wawasan 2020 ini dikemukakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 28 hb Februari 1991. Wawasan 2020 meletakkan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju dalam semua aspek dan dimensi, ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya. Hal ini bermakna menjelang tahun 2020, Malaysia adalah sebuah negara maju, mampu berdikari, progresif dan makmur. Objektif ini hanya dicapai jika rakyat Malaysia dapat menghadapi dan mengatasi pelbagai halangan atau rintangan yang dianggap sebagai cabaran. Peranan pendidikan dalam proses pembinaan bangsa Malaysia perlu diasaskan kepada Wawasan 2020, iaitu satu gagasan pembinaan masa depan masyarakat Malaysia yang bertunjangan kepada Sembilan Cabaran utama. Perkara ini bertujuan mewujudkan masyarakat adil, demokratik, penyayang, progresif dan dinamik, masyarakat sains dan teknologi. Wawasan 2020 ini

juga bermatlamat perubahan futuristik Malaysia untuk membangun dan maju di masa hadapan.

Sebagai kesimpulannya, peningkatan martabat profesion perguruan sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan dapat dilakukan dengan gandingan mantap berbagai pihak khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia, institusi-institusi yang berkaitan serta individu terlibat dalam proses pendidikan. Usaha-usaha yang berterusan dan kemaskini, insya-Allah akan dapat menyempurnakan wawasan negara Malaysia bukan saja setakat 2020 bahkan melangkaui masa-masa selepasnya.